

Bonsai, karya seni indah gabungan pelbagai elemen

Sumbangan Dr Latifah Omar (UPMKB)

PENANAMAN bonsai merupakan satu bidang yang unik dan memerlukan gabungan kreativiti, ketelitian, komitmen, kesenian, ketekunan serta pemahaman mendalam mengenai keperluan pokok bonsai serta penjagaan tanaman tersebut.

Kreativiti adalah sangat penting dalam tanaman bonsai terutamanya dalam pemilihan pokok dan pembentukan pokok bonsai. Tahap kreativiti menentukan ciri pembentukan pokok bonsai yang akan memberikan rupa unik yang dihasilkan daripada pemilihan bentuk, gaya, dan teknik pemangkasan yang tepat untuk menghasilkan penampilan pokok matang dalam bentuk miniatur.

Rupa pokok bonsai terhasil daripada kreativiti penanam bonsai yang memerlukan visi untuk melihat potensi setiap pokok dan membentuknya menjadi sebuah karya seni yang indah.

Menurut pengusaha bonsai tempatan Jamalluddin Singge, beliau mempunyai minat yang mendalam terhadap industri tanaman bonsai dan minat tersebut mencetuskan banyak ilham untuk beliau menghasilkan pelbagai tanaman bonsai di sekitar halaman rumah beliau di Kampung Teh Oya, Dalat.

Pengusaha tanaman bonsai dari Dalat ini yang lebih mesra dikenali sebagai Bidin menyatakan minat serta kreativiti beliau dalam menghasilkan pokok bonsai bermula sejak 30 tahun lalu.

Kreativiti tahap tinggi juga mempengaruhi keunikan pembentukan pokok bonsai. Kesenian bonsai dianggap sebagai karya yang menggabungkan elemen-elemen seperti keseimbangan, harmoni, dan komposisi dalam reka bentuknya.

Menurut Bidin, seni bonsai bukan sekadar tentang pemangkasan dan penanaman, tetapi juga tentang pembentukan pokok bonsai yang memperlihatkan keindahan semula jadi dalam bentuk yang unik dan tersusun secara miniatur.



TELITI: Bidin memangkas dahan pokok bonsai dengan teliti bagi mendapatkan bentuk pokok yang unik.



MINAT MENDALAM: Bidin sentiasa memastikan pokok bonsai beliau dalam keadaan terpelihara.

Beliau juga menekankan mengenai kesenian dalam pemilihan pasu yang sesuai untuk meningkatkan estetika dan keindahan pokok bonsai. Keindahan bonsai mencerminkan penampilan serta keanggunan pokok matang serta persekitarannya yang dibentuk dalam bentuk kecil.

Bidin mempunyai nurseri mini bagi tanaman bonsai yang dikenali sebagai BDEIN MININURSERY BBONSAI dan menjual pokok bonsai dengan harga yang berpatutan dan mampu milik bagi sesiapa yang berminat untuk menjadikan pokok bonsai sebagai hiasan semasa perayaan Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Terdapat berbagai jenis bonsai yang Bidin telah hasil-

kan sejak beliau menceburi industri tanaman ini. Setiap pokok bonsai yang terdapat di nurseri mini Bidin adalah hasil karya yang terdapat daripada kreativiti beliau yang menekankan detail yang halus dan teliti daripada lekukan dahan hingga kepada tekstur kulit kayu.

Keindahan pokok bonsai di nurseri mini Bidin bukan sahaja menarik secara visual, tetapi juga membawa ketenangan dan kedamaian kepada pemerhati, memandangkan bonsai sering dikaitkan dengan meditasi, refleksi dan ketenangan rohani. Antara pokok bonsai yang terdapat di nurseri mini Bidin adalah jeliti (water jasmine), ara (fig), bunga kertas (bougainvillea),



JUAL BONSAI: Nurseri mini bagi pokok bonsai milik Bidin yang terletak di Kampung Teh Oya, Dalat.



BERHARGA: Bonsai jeliti sedang mekar dan berbau harum.

kemboja cina (adenium) dan banyak lagi.

Kebanyakan pokok bonsai yang Bidin usahakan adalah daripada jenis yang berdaun kecil, jenis senang mengeluarkan cabang, dan mempunyai struktur akar menarik yang mana semuanya dapat dipadukan untuk menciptakan miniatur sempurna seperti yang ditunjukkan dalam gambar tanaman bonsai yang terdapat di nurseri mini Bidin.

Jenis bonsai yang Bidin pilih memaparkan perubahan musim, dari bunga yang mekar pada musim bunga hingga daun yang berubah warna pada musim luruh. Bonsai berbunga seperti jeliti atau yang berbuah menambah dimensi keindahan. Apabila musim berbunga, bonsai jeliti bukan sahaja memberikan gambaran harmoni dengan keseluruhan reka bentuk, tetapi juga



CANTIK: Bonsai ara (kiri) mempunyai bentuk daun yang menarik berwarna hijau gelap, manakala bonsai jeliti (kanan) kelihatan mengalami daun luruh dan pada masa sama mengeluarkan pucuk baharu.



UNIK: Antara pokok bonsai yang terdapat di nurseri mini Bidin di Kampung Teh Oya.



COMEL: Terdapat juga bonsai kecil bagi peminat bonsai yang ingin memulakan tanaman bonsai.

berbau semerbak harum dan memberikan kedamaian di halaman rumah.

Bidin pernah menang

sebagai naib johan dalam Pertandingan Bunga / Bonsai anjuran Majlis Daerah Dalat dan Mukah sempena Re-

gata Dalat pada tahun 2002. Kemenangan tersebut lebih menggalakkan beliau untuk mempelbagaikan lagi koleksi tanaman bonsai beliau.

Menurut beliau, pokok bonsai jeliti yang beliau bawa dalam pertandingan tersebut telah dibeli oleh peminat bonsai dengan harga RM18,000.

Daripada segi ekonomi, industri bonsai menyumbang kepada peningkatan pendapatan dengan mencipta peluang pekerjaan dalam penanaman, penjagaan, dan penjualan bonsai. Bonsai yang mempunyai rupa unik dan menarik dapat dijual pada harga yang tinggi, terutamanya di pasaran antarabangsa.

Menurut Bidin, peminat bonsai beliau terdiri daripada kalangan rakan beliau yang berbangsa Cina. Hal ini adalah berkait dengan kebudayaan bangsa yang mana bonsai merupakan warisan budaya, terutamanya bagi negara Jepun dan China.

Pemilikan bonsai adalah satu daripada cara untuk memelihara tradisi dan nilai-nilai estetika yang telah diwarisi sejak berkurun lamanya. Daripada segi persekitaran, tanaman bonsai juga mendidik pemikiran dalam menghargai keindahan dan kerumitan alam semula jadi.

Menurut Bidin, tanaman bonsai yang beliau usahakan meningkatkan pengalaman, memberikan kemahiran baharu mengikut peredaran masa serta dapat membantu mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan. Beliau juga menegaskan penglibatan dalam industri bonsai memerlukan kesabaran yang tinggi, perhatian yang teliti, ketekunan yang berterusan, serta pengetahuan yang mendalam mengenai keperluan pokok bonsai.

Seni dan industri bonsai bukan sahaja memberikan keindahan visual tetapi juga menyumbang kepada aspek budaya, ekonomi, dan kesejahteraan. Bidin bukan sahaja menjadikan tanaman bonsai sebagai hobi, malah ia merupakan bentuk seni yang hidup yang dapat mempertingkatkan punca pendapatannya.